

## Kempen Islamic Fixed Deposit-i RUSH FY2022'

### Terma & Syarat

#### 1. Tempoh Kempen

1.1 Kempen "Islamic Fixed Deposit-i RUSH FY2022" ("**Kempen**") tertakluk pada Terma-terma dan Syarat-syarat berikut. Kempen ini bermula pada 25 Julai 2022 hingga 30 September 2022, atau sehingga sasaran kempen yang ditetapkan oleh Maybank Islamic Berhad (200701029411) ("**Bank**") dicapai, mana yang lebih awal ("**Tempoh Kempen**").

#### 2. Kelayakan

2.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua peletakan Islamic Fixed Deposit-i (IFD-i) yang diletak oleh pelanggan-pelanggan yang baharu dan sedia ada ("**Pelanggan**") semasa Tempoh Kempen ("**Pelanggan Yang Layak**").

2.2 Pelanggan dikehendaki untuk memegang sama ada Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan dan/atau akaun Daily Fund-i yang dibuka dan diselenggara oleh mana-mana cawangan Maybank/ Maybank Islamic.

2.3 Untuk tujuan Kempen ini, semua peletakan deposit IFD-i perlu dibuat melalui saluran-saluran berikut:

Saluran	Butiran
Atas Kaunter (Cawangan - cawangan Maybank/Maybank Islamic)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu memegang akaun semasa / atau Akaun Simpanan/ atau akaun Daily Fund-i Perbankan Islam</li> <li>Kadar keuntungan akan di kreditkan ke Akaun Semasa /atau Akaun Simpanan / Daily Fund-i Account Perbankan Islam .</li> </ul>
Atas Talian melalui laman sesawang <a href="http://www.maybank.com.my">www.maybank.com.my</a> melalui FPX dan bukan FPX	

2.4 Hanya peletakan baharu dan sedia ada semasa Tempoh Kempen yang memenuhi pembahagian dan jumlah peletakan yang ditetapkan dalam Perenggan 3 di bawah layak untuk menyertai Kempen ini.

*Nota: Untuk tujuan Kempen ini, Dana Baharu bermaksud dana-dana dari bank-bank lain yang baru dipindahkan ke dalam akaun Pelanggan yang diletakkan di Maybank Islamic Berhad.*

*Maybank dan Maybank Islamic ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").*

*Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang layak diinsuranskan melalui [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk maklumat lanjut.*

#### 3. Mekanisma Kempen

3.1 Kriteria-kriteria pembahagian dan jumlah untuk peletakan IFD-i yang layak adalah seperti berikut :

KELAYAKAN	PELETAKAN MINIMUM	PELETAKAN MAKSIMUM	SALURAN
Individu	RM10,000 dalam satu sijil	RM15.0mil untuk setiap pelanggan	Atas Kauter dan Atas talian melalui laman sesawang <a href="http://www.maybank2u.com">www.maybank2u.com</a>
SMEBB	RM25,000 dalam satu sijil	RM20.0M untuk setiap pelanggan	Atas Kaunter sahaja

3.2 Butiran-butiran kadar Kempen (“Kadar Kempen”) mengikut tempoh adalah seperti berikut:

SALURAN	ATAS KAUNTER		ATAS TALIAN LAMAN SESAWANG		
	TEMPOH (BULAN)	KADAR KEMPEN % p.a (Dana Baharu)	KADAR KEMPEN % p.a (Pelanjutan /Pusingan)	KADAR KEMPEN % p.a (melalui *FPX)	KADAR KEMPEN % p.a (bukan FPX)
	6	2.90	2.85	2.90	2.85
	12	3.10	3.05	3.10	3.05

Nota:

1. Kadar Kempen boleh ditukar dengan sewajarnya mengikut pertukaran Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), jika ada semasa Tempoh Kempen.
2. Pelanjutan Automatik tidak akan layak untuk kadar kempen ini disebabkan oleh kengkangan sistem.
3. \*Pertukaran Proses Kewangan (“FPX”) ialah laman web pembayaran dalam talian yang memudahkan pemindahan dana secara langsung antara bank-bank yang mengambil bahagian, menggunakan simpanan pelanggan, akaun semasa dan/atau Daily Fund-i. Perkhidmatan FPX dianjurkan oleh Payment Network Malaysia (Paynet) yang dahulunya dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation (MyClear), anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia). Untuk butiran lanjut, sila rujuk [www.paynet.my/](http://www.paynet.my/)
4. Untuk Maybank, had setiap transaksi maksima ialah RM30,000 dan had transaksi maksima sehari ialah RM50,000

3.3 Kadar Kempen di atas boleh dikenakan hanya semasa Tempoh Kempen, atau sehingga sasaran kempen yang ditetapkan oleh Bank dicapai, yang mana lebih awal, untuk pelanggan yg terawal.

3.4 Apabila IFD-i/eIFD-i mencapai tarikh matang, kadar untuk sebarang pembaharuan akan ditukar kepada Kadar Asas semasa. Sila log masuk ke [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk melihat Kadar Asas semasa dan peraturan-peraturan yang terbaru mengenai pengeluaran sebelum tempoh matang untuk Islamic Term Deposit dan Term Fund-i

#### 4. Terma dan Syarat Khusus.

- 4.1 Pelanggan dikehendaki untuk memegang akaun Semasa Patuh Syariah/ atau Akaun Simpanan/ Patuh Syariah atau Akaun Daily Fund-i . Pelanggan yang tidak memegang akaun tersebut hendaklah membuka Akaun Semasa/Simpanan Patuh Syariah atau akaun Daily Fund-i untuk menyertai kempen ini.
- 4.2 Keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa Patuh Syariah/ atau Akaun Simpanan Patuh Syariah /atau Daily Fund-i Account pada tarikh matang deposit.
- 4.3 Sebarang pengeluaran awal dana sebelum tarikh matang deposit akan tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Umum Akaun Deposit Bagi Perbankan Islam dan Akaun Pelaburan Mudarabah Perbankan Islam
- 4.4 Proses perletakan eIFD-i melalui FPX akan dijalankan dengan serta-merta selepas pendebitan dan pengkreditan dana berjaya. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan atau

transaksi yang tidak berjaya (jika ada) dan dana akan dikembalikan oleh bank-bank yang berkenaan dalam masa tiga (3) hari bekerja. Tarikh kuat kuasa perletakan eIFD-i akan bermula selepas proses tersebut berjaya.

- 4.5 Kempen Islamic Fixed Deposit-i RUSH terbuka kepada Pelanggan Yang Layak untuk perletakan yang dibuat melalui Maybank2u antara jam 6.00 pagi dan 10.00 malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu yang ditetapkan oleh Maybank untuk pelanggan yang terawal.
- 4.6 Untuk eIFD-i yang diletakkan melalui Laman Sesawang Maybank2u saluran FPX, hanya pelanggan yang mempunyai akaun Maybank Islamic IFD-i Perkongsian sedia ada dibenarkan membuat perletakan eIFD-i perkongsian. Untuk akaun IFD-i Perkongsian baharu, FPX tidak boleh digunakan.

## 5 Terma Dan Syarat Umum

- 5.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Bank.
- 5.2 Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Kempen ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari (“hari” membawa makna sama dengan hari kalendar), di mana notis berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari Maybank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Penyata Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Penyata Privasi Kumpulan Maybank”) dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyata Privasi Kumpulan Maybank dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

- i) tujuan Kempen ini; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada

penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh Bank yang berkaitan dengan Kempen ini.

- 5.5 Bank dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh Bank.
- 5.6 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Peraduan ini disebabkan oleh kejadian sifat 'force majeure', termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan 'act of God', peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik, atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
- 5.7 Bank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Kempen ini.
- 5.8 Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
- 5.9 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)).